



PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning: Beyond Conventional

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
(**PLANMalaysia Selangor**)
Perancangan Melangkaui Kelaziman

Draf Rancangan Kawasan Khas PUSAT BANDAR

Kajang

Ringkasan Eksekutif



kandungan

01 Pendahuluan

Peruntukan Perundangan RKK
Pusat Bandar Kajang 4

Kedudukan Strategik Pusat
Bandar Kajang 5

Garis Masa Sejarah Kajang 6

04 Konteks Perancangan dan Hala Tuju Strategik

Hala Tuju Strategik 10

02 Konteks Semasa

Demografi 8

Guna Tanah Semasa 8

05 Konsep Pembangunan

Konsep Zon Tindakan Transformatif di
Pusat Bandar Kajang 11

06 Cadangan Tindakan Transformatif

ZT1-Zon Pemeliharaan
Warisan Bandar 14

ZT2-Zon Pemeliharaan Koridor Sungai 21

ZT3-Zon Aktif Pusat Bandar Kajang 24

ZT4-Zon Rejuvenasi Perniagaan 27

ZT5-Zon Pemeraksanaan Hab Komuniti 30

TP-Pemeraksanaan Destinasi
Pelancongan Warisan 33

TM-Peningkatan Kecekapan
Mobiliti Bandar 38

TI-Pengukuhan Infrastruktur Bandar 43

03 Matlamat Pembangunan Pusat Bandar Kajang

Matlamat Kajian 9

Objektif Kajian 9

Hala Tuju Strategik 9

07 Pelaksanaan dan Faedah Pembangunan

Ringkasan Jumlah Projek dan Kos
Pembangunan 46

Cadangan Jawatankuasa Warisan
Bandar Kajang 46


Faedah Pembangunan 47

Senarai Garis Panduan Khusus 47



01 PENDAHULUAN

■ Definisi Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pusat Bandar Kajang



- 1 Satu dokumen perancangan yang mengandungi cadangan dan tindakan khusus bagi menjadikan **Pusat Bandar Kajang** sebagai sebuah Bandar Warisan dan Hab Seni secara bersepadu, mampan, dan pintar.
- 2 Peruntukan **Seksyen 16(1), 16B(2) dan 16B(3)** Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
- 3 Memperincikan polisi, dasar dan strategi rancangan pemajuan sedia ada.
- 4 Membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mempercepatkan tindakan perancangan dalam kawasan Pusat Bandar Kajang bagi **memajukan, membangunkan, memelihara dan memulihara** atau bagi tujuan pengurusan kawasan setempat.

■ Keperluan Kajian



Selaras seksyen 16B Subseksyen 1 Akta 172 keperluan penyediaan RKK bagi pemajuan semula, penambahbaikan, pemuliharaan dan amalan pengurusan.

Pusat Bandar Kajang diterokai tahun 1580 dan perlu dikekalkan warisan bandar lama.



Keperluan kepada pembangunan segera



RTMPKJ Selangor 2035 (Penggantian) diwartakan pada 13 Ogos 2020 dan telah mengenal pasti keperluan RKK.



Keperluan kepada perancangan dan panduan khusus bagi menangani isu dan halangan



Penyediaan RKK perlu disediakan dengan mengambil kira kepentingan, kaedah dan daya laksana

■ Profil Kawasan Kajian



PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN



SAIZ PENDUDUK

ANGGARAN JUMLAH PENDUDUK & UNIT KEDIAMAN PUSAT BANDAR KAJANG, TAHUN 2035

- 1,403 orang
- 420 unit kediaman

KEMUDAHAN AKSES PENGANGKUTAN DAN JARINGAN JALAN YANG FLEKSIBEL

- LEKAS
- SILK
- PLUS
- MRT Laluan Sungai Buloh – Kajang (SBK)



EKONOMI MAKRO PUSAT BANDAR KAJANG

- Hab komersial dan perkhidmatan
- Pusat tumpuan pelancongan budaya dan kulineri

PIHAK BERKUASA TEMPATAN




MAJLIS
PERBANDARAN
KAJANG (MPKj)




KELUASAN PUSAT BANDAR KAJANG

53.71
Hektar



UNJURAN PERTUMBUHAN PENDUDUK DUN KAJANG (Tahun 2020-2035)



Sumber / Source : Kajian RKK Pusat Bandar Kajang

■ Garis Masa Sejarah Kajang

Raja Brayun merupakan seorang pemimpin masyarakat Mandailing yang telah mengasaskan Kampung Rekoh pada tahun 1848. Raja Brayun turut membuka lombong bijih timah di situ.



Aktiviti melombong bijih timah di Kajang bermula di satu kawasan iaitu Reko atau Rekoh yang kini dikenali Kampung Sungai Tangkas yang menjadi daerah paling awal menjalankan aktiviti itu berbanding Kuala Lumpur.

Di situ (Reko atau Rekoh) terdapat lombong dan masyarakat Mandailing tinggal di kawasan berkenaan. Orang Mandailing mengetuai aktiviti melombong bijih timah dan menjadi masyarakat pertama menjalankan aktiviti itu sekitar lewat 1840-an atau awal 1850-an.

Sejarah asal usul nama Kajang ialah ianya dikatakan berasal dari peristiwa pertempuran di antara masyarakat etnik Mandailing dan etnik Bugis di kawasan tersebut kerana salah faham maksud 'Berkajang'. Maksud 'Berkajang' bagi orang Mandailing ialah berpondok, sementara bagi masyarakat Bugis, ianya membawa erti bertikam atau bergaduh. Kedua-dua masyarakat ini bertembung sewaktu melarikan diri dari perang saudara yang berlaku di Kelang (1867 - 1873).

Raja Alang dari suku Mandailing bersama sekumpulan pengikutnya berhijrah ke Tanah Melayu. Kumpulan ini belayar memasuki Tanah Melayu melalui Kuala Sungai Langat. Setelah beberapa hari berlayar, mereka berteduh atau 'berkajang' di suatu kawasan yang sekarang ini dipanggil Jalan Mandailing.

Pendatang Cina dan India berpindah ke Kajang pada tahun 1870-an sebagai buruh dan pedagang.



Pada tahun 1868, Towkay Chin Ah Chan telah ditawarkan oleh Sultan Abdul Samad untuk membuka lombong bijih timah di Bukit Arang. Pendatang Mandailing dari Sumatera merupakan perintis dalam membuka kawasan hutan di dalam dan sekitar Kajang.

ABAD KE-19

1848

1850


1867

1868

1870

1894

Tanaman getah komersial terawal oleh pasangan adik-beradik Kindersley atas cadangan H.N. Ridley pada tahun 1894 di ladang Inch Kenneth, Kajang.



1889

Hospital Kajang mula dibina pada tahun 1889 di atas tanah seluas 16 ekar.



1884

Laporan bancian 1884 bagi Pekan Kajang mencatatkan 60 orang penduduk, terdiri daripada 19 orang Cina, seorang India dan 40 orang Sumatera.

1883

Penubuhan Daerah Hulu Langat (Kajang) sebagai pusat pentadbiran British dan membentuk sistem pentadbiran di Kajang sebagai pusat aktiviti politik dan ekonomi.



1875

Balai Polis Kajang siap dibina pada tahun 1875.



1897



Pembinaan jalan keretapi mula dijalankan di sekitar Rekoh Stesen KTM Kajang.

1898




Tokong Shen Sze She Yar telah berdiri megah pada tahun 1898.

1914




Bangunan Pejabat Pos Kajang merupakan antara struktur kolonial yang mencerminkan peranan penting sebagai pusat pentadbiran dan komunikasi di Kajang. Keberadaannya menjadi simbol perkembangan awal pusat bandar kajang serta hubungan antara masyarakat dengan sistem pentadbiran ketika itu.

1917



Sejarah orang terawal menjual Sate Kajang menjual di pekan kajang adalah Tasmin bin Sakiban yang merupakan seorang pemuda yang berasal dari Tanah Jawa. Pada mulanya mereka menjual sate dengan cara kandar, iaitu menggunakan dua bakul khas yang dikandarkan sebuah bakul untuk tempat membakar, manakala sebuah lagi untuk kuah dan menghidangkan sate yang telah dibakar.

1919



High School Kajang ditubuhkan pada 1919 memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan di daerah Hulu Langat. Bangunan awalnya ialah Rumah Rehat Kerajaan yang lama berhampiran dengan Balai Polis Kajang. Jumlah murid pada peringkat permulaan ialah 70 orang lelaki dan perempuan.

Dibina pada tahun 2008, Hotel Oriental Crystal ini menawarkan kombinasi sempurna antara kemewahan dan keselesaan, menjadikannya pilihan ideal untuk pelancong yang mencari pengalaman menginap yang luar biasa.



2008

Laluan MRT Stadium Kajang yang mula beroperasi sepenuhnya pada 16 Disember 2016 dapat memberi akses terus ke kawasan bersejarah, kemudahan awam dan lokasi ikonik seperti Stadium Kajang serta Sate Kajang Haji Samsuri.




2016

MKH Boulevard di Pusat Bandar Kajang dibina pada tahun 2016. Dijadikan sebagai Mercu Tanda Ikonik di Pusat Bandar Kajang mencerminkan status komersial bandar yang semakin pesat untuk dibangunkan. MKH Boulevard merupakan pembangunan bercampur.



2016

Kajian Rancangan Kawasan Khas Pusat Bandar Kajang telah dijalankan.



2025

Menjelang tahun 2007, Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) telah memasuki satu fasa penting iaitu mencerminkan permulaan era perbandaran moden MPKJ, pendekatan kepada keseimbangan antara pembangunan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan keperluan rakyat.



2007

Metro Point Kajang dibina dan mula beroperasi sekitar tahun 2005. Pusat komersial sejak itu menjadi antara mercu tanda penting di Pusat Bandar Kajang, menempatkan pelbagai aktiviti perniagaan, hiburan dan perkhidmatan yang menyokong pembangunan ekonomi kawasan sekitarnya.



2005

Plaza Metro Kajang merupakan kompleks komersial utama menjadi tumpuan penduduk tempatan dan pengunjung sejak dibuka pada tahun 1994. Lokasi strategik di tengah Pusat Bandar Kajang, bangunan ini menempatkan pelbagai kemudahan seperti ruang perniagaan, restoran dan pusat hiburan.



1994

Ditubuhkan pada tahun 1992, Sate Kajang Haji Samsuri merupakan antara jenama sate yang paling terkenal dan disegani di Kajang. Berdasarkan sejarah sate kajang, kebanyakan pengusaha sate yang ada pada masa kini adalah berasal daripada susur galur yang sama.



1992

Pasar Raya Great Wall pernah menjadi mercu tanda komersial utama di Pusat Bandar Kajang, terletak berhampiran kawasan tumpuan di Jalan Tun Abdul Aziz. Namun, kini digantikan dengan Hotel Bintang dan Restoran Bintang Kajang.



1989

Pasar Billion Kajang merupakan salah satu kompleks komersial lama yang pernah menjadi tumpuan utama penduduk sekitar Kajang dan kawasan sekitarnya pada era 1990-an hingga awal 2000-an.



1985

ABAD KE-20

1960



Dibina sekitar tahun 1960, Bulan Kajang merupakan struktur penting yang menandakan era perkembangan bandar Kajang pasca kemerdekaan. Sebagai salah satu bulatan utama di daerah, menjadi pusat penting yang menghubungkan pelbagai kawasan di Kajang, memperluaskan sambungan dan akses di antara kawasan perumahan, komersial dan perindustrian.

1971



Banjir berlaku dalam rekod sejarah lembangan Sungai Langat pada Januari 1971, juga merupakan bencana banjir kilat utama yang melanda seluruh Semenanjung Malaysia akibat hujan lebat berterusan. Bencana ini disebabkan oleh hujan lebat yang tidak berhenti-henti dari Monsun Laut Timur Laut yang menyebabkan air sungai meningkat secara mendadak.

1974



Stadium Kajang dibina pada 1974, yang merupakan pusat sukan utama untuk bola sepak dan perlawanan lain. Ia juga menjadi tempat latihan untuk legenda bola sepak seperti Arumugam, Santokh Singh, Soh Chin Aun, dan Mokhtar Dahari. Namun, pada tahun 2010, sebahagian stadium ini telah dirobohkan dan diubahsuai menjadi kawasan rekreasi awam.

1976



Balai Bomba Kajang dibina pada tahun 1976 dan ia merupakan fasiliti peranan utama dalam aspek keselamatan awam dan pengurusan kecemasan.

1984



Perpustakaan Cawangan Hulu Langat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah dibuka pada tahun 1984, telah menjadi institusi penting dalam pembangunan ilmu.

1984




Bazar Kajang dibina bagi menempatkan peniaga kecil dan penjaja untuk kegiatan ekonomi bandar bagi komuniti tempatan.

02

KONTEKS SEMASA

Demografi

Jantina




Nota: Anggaran penduduk adalah berdasarkan saiz isi rumah berikut:


- Purata saiz isi rumah bagi kawasan perumahan : 3.7 orang
- Purata saiz isi rumah bagi pangsapuri perkhidmatan dan kuarters kerajaan : 3.0 orang.
- Purata saiz isi rumah bagi penginapan pekerja perumahan : 3.7 orang


	Lokasi	Bilangan Unit	Anggaran Penduduk
1.	Pangsapuri Perkhidmatan MKH Boulevard	308	924
2.	Taman Bukit Kajang	16	59
3.	Kuarters IPD	30	90
4.	Rumah kedai yang didiami (disewa oleh pekerja)	66	330
	Jumlah	420	1,403

UNJURAN PERTUMBUHAN PENDUDUK DUN KAJANG (Tahun 2020-2035)



Guna Tanah Semasa





■ Potensi




Penguatan Identiti, Imej
Dan Karakter Setempat
“BANDAR WARISAN DAN
HAB SENI”



Destinasi Pelancongan Jejak
Pelancongan & Aktiviti
Sejarah Warisan, Seni,
Budaya & Kulinari



Pemeliharaan Dan
Pemuliharaan Warisan Ketara
(Bangunan) Dan Tidak Ketara



Tahap Kemudahsampaian
Dan Jaringan Pengangkutan
Awam Yang Tinggi
(MRT/KTM/Jalan)



Pusat Informasi Pelancongan
Interaktif dan Teknologi
Realiti Maya



Keterlibatan Komuniti Di
Dalam Aktiviti Ekonomi
Setempat



Pengaktifan Aktiviti Ekonomi
Baharu Berdaya Maju Untuk
Penjanaan Peluang
Pekerjaan



Reruang ‘Place-Making’
Untuk Interaksi serta Riadah
bagi komuniti Komuniti dan
Penduduk Sekitar

22 ISU STRATEGIK

1

Tekanan
pembangunan
terhadap bangunan
bernilai warisan.



2

Kekurangan ruang
dan aktiviti
kemasyarakatan



3

Solid & Void tidak
seimbang



4

Penggunaan
tanah kurang
efisien



5

Keperluan
penaiktaratan
Pasar Kajang



6

Perniagaan
berasaskan
warisan masih
terhad



7

Kekosongan ruang
lantai di aras atas
rumah kedai lama



8

Imej warisan
tidak jelas di
Pusat Bandar
Kajang



9

Kerjasama pemilik
tanah/bangunan
dalam pemeliharaan
bangunan warisan



10

Keperluan
penyediaan
inventori
bangunan
warisan



11

Pengurusan
pemeliharaan
bangunan
warisan yang
kurang jelas



12

“Sense of
welcoming” ke
Pusat Bandar
Kajang masih
rendah



13

Tahap
kebersihan
lorong belakang
masih rendah



14

Identiti ‘Sense
of Place’
kurang jelas



15

Tarikan dan
aktiviti
pelancongan
dan kesenian
yang terhad



16

Kekurangan
kemudahan
pelancongan



17

Elemen
warisan tidak
ditonjolkan



18

Keperluan
penyediaan pelan
pengurusan trafik



19

Kesesakan
lalu lintas



20

Kekurangan
tempat letak
kereta



21

Kualiti laluan
pejalan kaki
masih rendah



22

Ketiadaan
lintasan pejalan
kaki yang
selamat



■ Matlamat Kajian

“Menyediakan Satu Rancangan Kawasan Khas Yang Mengandungi Pelan Pembangunan dan Pengurusan Untuk Pembaharuan Semula Bandar dan Pengindahan Pusat Bandar Kajang Sebagai Bandar Warisan dan Hab Seni Secara Bersepadu, Mampan, Pintar dan Berdaya Tahan”



■ Objektif Kajian

Merancang dan mengawal selia pembangunan guna tanah dan bangunan untuk merancakkan ekonomi serta selaras dengan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang, Selangor 2035 (Penggantian).

Memperkukuh dan memelihara imej Pusat Bandar Kajang sebagai Bandar Warisan dan Hab Seni.



Meningkatkan kemudahan infrastruktur, utiliti dan kemudahan awam secara efisien.



Membentuk Pusat Bandar Kajang sebagai bandar vibran dengan gaya hidup moden berteraskan bandar selamat, pintar, dan rendah karbon.



■ Hala Tuju Strategik



1
'ENJOY KAJANG'
MELALUI WARISAN,
KULINARI DAN SENI



2
MEMBUKA PELUANG
DAN DIMENSI
PEMBANGUNAN
BAHARU



3
MAMPAN DAN
BERSEDIA UNTUK
MASA HADAPAN



4
KETERHUBUNGAN
BANDAR



5
BANDAR SELAMAT
DAN BEBAS
BENCANA

1 'ENJOY KAJANG' MELALUI WARISAN, KULINARI DAN SENI

- Pemeliharaan warisan tempatan.
- Destinasi kulineri – makanan tradisional Hulu Langat.
- Hab seni (visual dan persembahan).
- Tarikan dan kemudahan pelancongan.
- Meningkatkan promosi.

Tema pembangunan 'Enjoy Kajang' menekankan warisan, kulineri, dan seni untuk memperkasa identiti tempatan serta menjadikan Pusat Bandar Kajang destinasi pelancongan budaya yang menarik dan berdaya saing.

1. Pemeliharaan Warisan Tempatan.
2. Destinasi kulineri – makanan tradisional Hulu Langat.
3. Hab seni (visual dan persembahan).
4. Tarikan dan kemudahan pelancongan.
5. Meningkatkan promosi.

4 KETERHUBUNGAN BANDAR

- Pengurusan lalu lintas dan TLK.
- Rangkaian laluan pejalan kaki yang menyeluruh.
- Pengangkutan awam.

Hala tuju ini menekankan peningkatan aksesibiliti, integrasi guna tanah, dan mobiliti, menjadikan Kajang bandar yang terhubung secara fizikal, sosial, dan ekonomi dengan pengangkutan awam sebagai pemacu utama pembangunan mampan.

1. Pengurusan lalu lintas dan TLK (Tempat Letak Kereta).
2. Rangkaian laluan pejalan kaki yang menyeluruh.
3. Pengangkutan awam.

2 MEMBUKA PELUANG DAN DIMENSI PEMBANGUNAN BAHARU

- Penstrukturan aktiviti zon perniagaan lama (barat) dan baharu (timur).
- *Adaptive reuse* bangunan berkepentingan warisan dan pembangunan baharu secara *infill*.

Hala tuju ini menekankan pemanfaatan potensi sedia ada dan pengaktifan semula ruang bandar melalui penstrukturan Zon Perniagaan dan adaptasi bangunan warisan, menjadikan Pusat Bandar Kajang lebih inklusif, mampan, dan bernilai tinggi.

1. Penstrukturan aktiviti zon perniagaan lama dan baharu.
2. *Adaptive reuse* bangunan berkepentingan warisan dan pembangunan baharu secara "*infill*".

5 BANDAR SELAMAT DAN BEBAS BENCANA

- Menangani risiko banjir.
- Persekitaran bandar yang selamat.
- Bebas pencemaran air Sungai Jelok dan Sungai Langat.

Hala tuju ini menekankan pembentukan Kajang yang selamat, berdaya tahan terhadap banjir, dan bebas pencemaran, dengan sistem perlindungan, infrastruktur mampan, dan kawalan persekitaran proaktif bagi keselamatan jangka panjang.


1. Menangani risiko banjir.
2. Persekitaran bandar yang selamat.

3 MAMPAN DAN BERSEDIA UNTUK MASA HADAPAN

- Memelihara dan menambah ruang hijau dan koridor ekologi.
- Mengutamakan aspek kemampanan dalam pengurusan dan perkhidmatan infrastruktur bandar.

Hala tuju ini menekankan pembentukan Pusat Bandar Kajang yang berdaya tahan, lestari, dan adaptif, dengan pengukuhan alam sekitar dan infrastruktur secara mampan dan inklusif demi kesejahteraan generasi akan datang.

1. Memelihara dan menambah ruang hijau dan koridor ekologi.
2. Mengutamakan aspek kemampanan dalam pengurusan dan perkhidmatan infrastruktur bandar.
3. Memperkukuhkan jaringan sosial dan penglibatan komuniti.



Konsep Zon Tindakan Transformatif di Pusat Bandar Kajang



Zon Pemuliharaan Warisan

Pemuliharaan kawasan bandar lama (*old town*) yang mempunyai nilai-nilai warisan sama ada ketara atau tidak ketara.



Zon Pemeliharaan Koridor Sungai

Pengindahan koridor hijau bandar akan dapat menghubungkan pelbagai ruang terbuka di dalam bandar seperti kawasan rekreasi, laluan pejalan kaki, tebing sungai dan taman.



Zon Aktif Pusat Bandar Kajang

Menjalankan tindakan pengukuhan di kawasan tumpuan seperti Stadium Kajang untuk meningkatkan perkhidmatan dan fungsinya sebagai pusat rekreasi utama penduduk tempatan.



Zon Rejuvenasi Kawasan Perniagaan

Pengukuhan dan penambahbaikan kawasan perniagaan sedia ada agar kekal relevan dan berdaya saing, dari segi persekitaran fizikal mahu pun tarikan baharu untuk memaksimumkan potensi ekonomi kawasan.



Zon Pemerkasaan Hab Komuniti

Kawasan Selatan merupakan kawasan bercampur yang menampilkan kepelbagaian fungsi utama bandar. Zon ini mampu mengukuhkan identiti bandar dan meningkatkan kesejahteraan penduduk setempat.



Pengukuhan Ketersambungan

Menambah baik lorong-lorong belakang melalui landskap yang indah serta pemasangan seni mural di ruang awam dengan tujuan meningkatkan ketersambungan dan pengindahan kawasan.



Jajaran Laluan Utama


Memastikan sistem perhubungan dan sirkulasi utama yang menjadi paksi aktiviti ekonomi Kajang bergerak lancar dan terhubung dengan akses dalaman dan luaran pusat bandar.



Naik Taraf & Pembangunan Semula

Lokasi tapak pembangunan sedia ada yang berpotensi untuk dinaiktarafkan atau dibangunkan semula untuk pengisian yang lebih baik dan menjadi titik tumpuan di Pusat Bandar Kajang.

Melalui Warisan, Kulinari Dan Seni



44
CADANGAN
KESELURUHAN

14
PROJEK
QUICK
WINS

15
PROJEK
SOKONGAN

15
PROJEK
BERIMPAK
TINGGI

QW

SK

HIP

QW HIP SK
TI 2 1 3 6



TI Pengukuhan Infrastruktur Bandar


Pengukuhan Sistem Saliran dan Perparitan

- TI1-1** Cadangan Penyediaan Kolam Takungan Bawah Tanah
- TI1-2** Cadangan Pemasangan Perangkap Sampah
- TI1-3** Cadangan Menaik Taraf Longkang Sedia Ada

Pemantapan Telekomunikasi, Sistem Pembetungan dan Bekalan Air

- TI2-1** Cadangan Menaik Taraf Menara Telekomunikasi
- TI2-2** Cadangan Menaik Taraf Tangki Kumbahan Konvensional kepada Sistem Pembetungan Bersambung
- TI2-3** Cadangan Menggantikan Paip Asbestos Cement (AC)

QW HIP SK
TI - 5 3 8



TM Peningkatan Kecekapan Mobiliti Bandar

Pengurusan Lalu Lintas dan Pengurusan Bandar

- TM1-1** Cadangan Peningkatan Sirkulasi Jalan
- TM1-2** Cadangan Menaik Taraf Persimpangan dan Jalan
- TM1-3** Cadangan Menaik Taraf Jalan di Pusat Bandar Kajang

Memperkasakan Perkhidmatan Pengangkutan Awam, Tempat Letak Kenderaan dan Laluan Pejalan Kaki


- TM2-1** Cadangan Memperluas Liputan DRT Dengan Menambah Lokasi Perhentian DRT
- TM2-2** Cadangan Menambah Baik Perkhidmatan Teksi di Pusat Bandar Kajang
- TM2-3** Cadangan Pengurusan TLK di Pusat Bandar
- TM2-4** Cadangan Menambah Baik Pengurusan TLK Sedia Ada di Pusat Bandar Kajang
- TM2-5** Cadangan Rangkaian Laluan Pejalan Kaki

QW HIP SK
TP 3 - 1 4



TP Pemerkasaan Destinasi Pelancongan Warisan

- TP1-1** Cadangan Jejak Warisan Pusat Bandar Kajang
- TP1-2** Cadangan Jejak Makanan dan Kraf Tradisional
- TP1-3** Cadangan Program Pelancongan
- TP1-4** Cadangan Cenderahati Pelancongan Kajang



ZON TINDAKAN

QW HIP SK
ZT1 5 2 3 10



ZT1 Zon Pemuliharaan Warisan Bandar

- ZT1-1** Cadangan Pemuliharaan Bangunan Berkepentingan Warisan
- ZT1-2** Cadangan Mengecat Fasad Rumah Kedai Warisan Bandar
- ZT1-3** Cadangan Pengindahan Kaki Lima Rumah Kedai Warisan
- ZT1-4** Cadangan Turapan dan Lintasan Pejalan Kaki Zon Warisan Kajang
- ZT1-5** Cadangan Menaik Taraf Medan Sate Jalan Sulaiman (Anjung Sate)
- ZT1-6** Cadangan Menaik Taraf Medan Selera Lorong Mendaling
- ZT1-7** Cadangan Pengindahan Lorong Tepi dan Mural
- ZT1-8** Cadangan Menaik Taraf Taman Selingan di Pusat Bandar Kajang
- ZT1-9** Cadangan Bengkel Kesedaran Warisan Bandar Kajang
- ZT1-10** Cadangan Adaptasi Guna Semula Rumah Kedai



QW HIP SK
ZT2 - 1 2 3



ZT2 Zon Pemeliharaan Koridor Sungai

- ZT2-1** Cadangan Laman Mendaling
- ZT2-2** Cadangan Penghijauan Lorong Belakang Jalan Tun Abdul Aziz
- ZT2-3** Cadangan Menaik Taraf Taman Pesisir Sungai Jelok



QW HIP SK
ZT3 - 3 1 4




ZT3 Zon Aktif Pusat Bandar Kajang

- ZT3-1** Cadangan Menaik Taraf Dataran Stadium Kajang
- ZT3-2** Cadangan Menaik Taraf Medan Belia Kajang
- ZT3-3** Cadangan Pengindahan Pintu Masuk (Arah Barat) ke IPD Kajang
- ZT3-4** Cadangan Laluan Pejalan Kaki Dari Stesen MRT



QW HIP SK
ZT4 3 2 1 6



ZT4 Zon Rejuvenasi Perniagaan

- ZT4-1** Cadangan Menaik Taraf Pasar Kajang
- ZT4-2** Cadangan Kajang Food Truck
- ZT4-3** Cadangan Laluan Pejalan Kaki Dari IPD Kajang Ke Hab Komuniti Kajang
- ZT4-4** Cadangan Penandaan Pintu Masuk (Arah Timur)
- ZT4-5** Cadangan Pengindahan Lorong Tengah
- ZT4-6** Cadangan Taman Selingan di Jalan Tun Abdul Aziz



QW HIP SK
ZT5 1 1 1 3



ZT5 Zon Pemerkasaan Hab Komuniti

- ZT5-1** Cadangan Hab Komuniti dan Seni Kajang
- ZT5-2** Cadangan Laman Changkat
- ZT5-3** Cadangan Pemeliharaan Bangunan Berkepentingan Warisan



ZT1-1 Cadangan Pemeliharaan Bangunan Berkepentingan Warisan

HIP

KOMPONEN CADANGAN

1. Mengekalkan dan memelihara bangunan-bangunan warisan di Zon Tindakan 1.
2. Meletakkan penandaan kepada bangunan berkepentingan warisan.
3. Mendapatkan pengiktirafan bagi bangunan berkepentingan warisan sebagai warisan tempatan (MPKj) atau warisan negeri (PADAT).

CADANGAN KATEGORI BANGUNAN WARISAN

Kategori	Kriteria	Pusat Bandar Kajang (ZT1)
Bangunan Warisan Kategori I	<p>i. Bangunan, struktur atau monumen yang mempunyai nilai warisan yang tinggi sama ada nilai sosial, kebudayaan atau seni bina yang telah diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan atau bangunan Warisan di bawah peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).</p> <p>ii. Bangunan, struktur atau monumen yang mempunyai nilai warisan yang tinggi sama ada nilai sosial, kebudayaan atau seni bina yang berpotensi untuk diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan atau bangunan Warisan di bawah peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).</p> <p>iii. Bangunan, struktur atau monumen yang masih mempunyai nilai keaslian (<i>authenticity</i>) yang tinggi.</p>	-Tiada
Bangunan Warisan Kategori II A	<p>i. Bangunan, struktur atau monumen yang mempunyai nilai warisan yang tinggi sama ada nilai sosial, kebudayaan atau seni bina secara bersendirian.</p> <p>ii. Bangunan, struktur atau monumen yang masih mempunyai nilai keaslian (<i>authenticity</i>) yang tinggi.</p>	<p>1. Pejabat Pos Lama Kajang</p> <p>2. Tokong Shen She Yar</p> <p>3. Kedai Tenaga</p>



W1 Pejabat Pos Kajang (1914)



W2 Tokong Shen Sze She Yar (1898)



W3 Bangunan Lembaga Elektrik Negara (Kedai Tenaga)

10

CADANGAN
INISIATIF
PROJEK

5
QW

2
HIP

3
SK

ZT1-2 Cadangan Mengecat Fasad Rumah Kedai Warisan Bandar QW



KOMPONEN CADANGAN

1. Membaiki permukaan fasad bangunan (jika ada kerosakan).
2. Mengecat fasad bangunan dengan warna seragam yang telah ditetapkan.
3. Mengawal peletakan dan saiz papan tanda yang seragam (rujuk GP2B : Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan Kategori IIB [Rumah Kedai]).

Contoh Keseragaman warna bangunan di Jalan Sulaiman

Cadangan keseragaman warna bangunan di Jalan Besar

ZT1-3 Cadangan Pengindahan Kaki Lima Rumah Kedai Warisan SK



KOMPONEN CADANGAN

1. Mengecat semula kaki lima dengan penggunaan warna yang menarik.
2. Menggunakan jubin hiasan bercorak pada permukaan laluan kaki lima mewujudkan suasana yang kemas dan bersih.
3. Memastikan kaki lima tidak mempunyai objek besar yang menghalang pergerakan pejalan kaki atau objek yang mencatatkan.
4. *Matching Grant* akan diberikan kepada pemilik kedai yang ingin melakukan pengindahan kaki lima rumah kedai di dalam zon warisan.

No Kedai Yang Terlibat	Jalan
No 3	Jalan Tengah
No 4	Jalan Tengah
No 5	Jalan Tengah
No 6	Jalan Tengah
No 7	Jalan Tengah
No 8	Jalan Tengah
No 9	Jalan Tengah
No 10	Jalan Tengah
No 11	Jalan Tengah
No 12	Jalan Tengah



ZT1-4 Cadangan Turapan dan Lintasan Pejalan Kaki Zon Warisan Kajang

HIP

KOMPONEN CADANGAN

1. Penggunaan konkrit cetak (concrete imprint) dan berwarna terang.
2. Konkrit cetak bermotifkan anyaman mengkuang.
3. Menerapkan elemen pintar.
4. Menyediakan lintasan pejalan kaki.
5. Menaik taraf Infrastruktur sokongan.

Cadangan Turapan Jalan dan Lintasan Pejalan Kaki Zon Warisan Kajang



ZT1-5 Cadangan Menaik Taraf Medan Sate Jalan Sulaiman (Anjung Sate)

SK

Bahagian bumbung dinaik taraf

SELEPAS

KOMPONEN CADANGAN

1. Menyusun semula susun atur ruang makan.
2. Membangunkan ruang tambahan dan aktiviti.
3. Menyokong ekonomi serta memperkasakan promosi tempatan.
4. Meningkatkan ciri-ciri keselamatan dan pencahayaan.
5. Mempertingkatkan kemudahan awam.


SEBELUM

Selamat Datang

Menyediakan ruang makan yang selesa

Menyediakan ruang maklumat

Bahagian bawah dibina bertutup.



Cadangan Menaik Taraf Medan Sate Jalan Sulaiman

ZT1-6 Cadangan Menaik Taraf Medan Selera Lorong Mendaling

SK

KOMPONEN CADANGAN

1. Menaik taraf 10 lot gerai makanan supaya kemas, teratur dan mengikut jenis.
2. Menyediakan ruang makan luas dengan meja dan kerusi ergonomik sesuai untuk keluarga dan kumpulan besar.
3. Membina laluan pejalan kaki mesra OKU lengkap dengan akses kerusi roda dan tanda arah *universal design*.
4. Memasang pencahayaan LED/solar dengan elemen hiasan tempatan untuk suasana malam yang lebih menarik.
5. Membina struktur bumbung ikonik yang mencerminkan identiti bandar Kajang.
6. Memasang *shading device* bercorak tradisional untuk keselesaan dan menambah nilai estetika.
7. Memasang *planting box* di sekeliling tandas awam.

Cadangan Menaik Taraf Medan Selera Lorong Mendaling



SELEPAS



SEBELUM




ZT1-7 Cadangan Pengindahan Lorong Tepi dan Mural

QW

KOMPONEN CADANGAN

1. Jalan Mendaling – Jalan Tengah, sepanjang 37 meter pada bahagian dinding bertemakan warisan dan budaya.
2. Lorong Jalan Sulaiman – Jalan Besar, sepanjang 70 meter pada dinding tepi bangunan akan disediakan mural bertemakan sejarah dan warisan.
3. Arked MARA, sepanjang 108 meter pada dinding akan ditempatkan mural bertemakan kulinari dan warisan.
4. Kajang Dulu-dulu 2, sepanjang 152 meter pada lorong belakang rumah kedai. Mural ini akan disambungkan daripada Kajang dulu-dulu.
5. Untuk perabot bandar dicadangkan untuk melakukan kerjasama daripada pihak MPKj dan juga Penjara Kajang.

SELEPAS



SELEPAS



Moden Seni Mural di Lorong Jalan Sulaiman

SELEPAS



Peletakan mural di terowong belakang Arked MARA

SELEPAS



SELEPAS



Mural di hadapan Arked MARA akan menjadi satu tarikan dan juga meningkatkan imej Bandar Kajang

ZT1-8 Cadangan Penyediaan Taman Selingan di Pusat Bandar Kajang QW

1. Menyediakan laluan pejalan kaki *interlocking paves* dengan reka bentuk laluan yang diinspirasi daripada aliran Sungai Langat.
2. Menyediakan mini plaza dan arca abstrak bunga cempaka putih.
3. Menyediakan ruang untuk beristirahat dan berinteraksi.
4. Menyediakan landskap lembut, taman hiasan dan penampan hijau.
5. Menyediakan pencahayaan landskap seperti lampu *uplight* dan *bollard light*.
6. Menyediakan papan interpretasi identiti Kajang.

A Cadangan Taman Selingan Jalan Tukang – Lorong Mendaling



B1 Taman Poket 1

Cadangan Taman Selingan Jalan Semenyih


Tanda nama Bandar Kajang dengan saiz yang lebih besar.



B2 Taman Poket 2

SELERAS

Tanaman pokok renek berkayu (woody shrubs) dan bollard keselamatan.



B3 Taman Poket 3

SELERAS

B3 Taman Poket 3



ZT1-9 Cadangan Bengkel Kesedaran Warisan Bandar Kajang



Program Bengkel	Perincian/ Penerangan	Impak Cadangan
Sasaran peserta	<ul style="list-style-type: none">• Pemilik dan penyewa rumah kedai warisan.• Komuniti setempat dan persatuan.• Pelajar sekolah dan IPT.• Agensi Kerajaan dan MPKj.	Meningkatkan penyertaan pelbagai pihak dalam usaha pemeliharaan bandar bersejarah.
Kandungan / Aktiviti Bengkel	<ul style="list-style-type: none">• Taklimat mengenai sejarah dan gaya seni bina rumah kedai Kajang.• Sesi perkongsian teknik pemuliharaan dan garis panduan reka bentuk.• Lawatan ke lapangan dan perbincangan kumpulan.• Semakan dan rujukan kepada garis panduan pemuliharaan dan <i>best practices</i> projek pemuliharaan.	Menyediakan bahan rujukan teknikal dan visual untuk pemilik serta penggubal dasar tempatan.
Lokasi pelaksanaan	Kawasan teras warisan Kajang. (contoh: Lorong Mendaling / Laman Kajang / Dewan MPKj).	Menggalakkan interaksi terus antara peserta dengan persekitaran warisan sebenar.




ZT1-10 Cadangan Adaptasi Guna Semula Rumah Kedai



KOMPONEN CADANGAN

1. Memastikan struktur bangunan kukuh dan selamat, serta menjalankan kerja-kerja pemuliharaan bangunan mengikut keperluan tanpa menjejaskan nilai-nilai warisan bangunan.
2. Menggunakan semula lantai kedai yang kosong untuk kegunaan yang bersesuaian seperti kediaman berkonsepkan rumah studio, rumah pejabat (SOHO), dan pusat penginapan.
3. Menyediakan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik tanpa menjejaskan fizikal dan estetika bangunan.
4. Memastikan adaptasi guna semula bangunan dijalankan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
5. Menerapkan ciri-ciri bangunan hijau seperti pencahayaan yang cekap tenaga, pengudaraan dan pencahayaan semula jadi dan penjimatan air.



Contoh adaptasi guna semula rumah kedai lama sebagai kediaman moden di Singapura.

Contoh adaptasi guna semula rumah kedai lama sebagai pejabat dan ruang pelbagai, di The Bendahari, Melaka.



Rumah kedai sedia ada yang berkeadaan baik namun tidak digunakan sepenuhnya sesuai diadaptasi sebagai unit kediaman atau penginapan.



ZT2

ZON PEMELIHARAAN KORIDOR SUNGAI

3

CADANGAN
INISIATIF
PROJEK1
HIP2
SK

ZT2-1 Cadangan Laman Mendaling

HIP

KOMPONEN CADANGAN

1. Menyediakan perabot taman seperti bangku, lampu hiasan dan elemen seni awam untuk identiti bandar.
2. Memasang sistem pencahayaan dan elemen smart cctv bagi mewujudkan suasana yang terang, selamat dan menarik pada waktu malam.
3. Membina turapan menggunakan bahan tahan lasak seperti concrete imprint atau paver stone di Lorong Mendaling.
4. Menyediakan binaan tambahan seperti papan tanda maklumat dan arah, pagar keselamatan, ramp, dan lintasan mengikut keperluan.
5. Menanam tanaman penahan hakisan di kawasan tebing sungai bagi mengukuhkan struktur tebing sungai.



Murraya paniculata



Vernonia elliptica



Melastoma malabathricum



Schefflera arboricola



Cratoxylum cochinchinensis



Michelia champaca.



Melaleuca cajuputi



Syzigium campanulatum




ZT2-2 Cadangan Penghijauan Lorong Belakang Jalan Tun Abdul Aziz

SK


KOMPONEN CADANGAN

1. Membina struktur laluan pejalan kaki *raised platform* sepanjang 200m menggunakan bahan tahan lama seperti keluli dan konkrit mengikut spesifikasi reka bentuk.
2. Memasang sistem pencahayaan bagi mewujudkan suasana yang terang, selamat dan menarik pada waktu malam.
3. Menyediakan binaan tambahan seperti papan tanda maklumat dan arah, pagar keselamatan, *ramp*, dan lintasan mengikut keperluan.



ZT2-3 Cadangan Menaik Taraf Taman Pesisir Sungai Jelok

SK



PETUNJUK

- 1 Akses Ramp dan Tangga dari Jalan Bukit
- 2 Kekotak Tanaman Diintegrasikan Dengan Tembok Penahan Banjir
- 3 Arca
- 4 Arca Bunga Cempaka
- 5 Pentas dan Plaza Utama
- 6 Plaza Mini
- 7 Cadangan Penambahbaikan Jambatan Sg. Jelok
- 8 Cadangan Akses Ramp





ZT3-1 Cadangan Menaik Taraf Dataran Stadium Kajang

HIP

KOMPONEN CADANGAN

1. Mewujudkan menara ikonik sebagai mercu tanda Pusat Bandar Kajang.
2. Menyediakan pentas utama Dataran Kajang.
3. Menyediakan surau awam.
4. Membina VVIP Grandstand dan laluan pejalan kaki bertingkat (*elevated walkway*) dari MPKj ke Dataran Stadium.
5. Membina ruangan *Dry-Fountain*.
6. Membina ruangan makanan secara terbuka (*Alfresco*).
7. Menaik taraf *open Grandstand*.
8. Menaik taraf plaza pintu masuk, tempat letak kenderaan dan ruangan simpanan basikal.
9. Menaik taraf ruangan permainan kanak-kanak.
10. Menaik taraf ruangan acara (padang utama pelbagai guna).
11. Menaik taraf ruang gimnasium warga emas dan refleksologi.
12. Menambah elemen landskap lembut.
13. Menambah elemen perabot bandar seperti tempat duduk, papan tanda dan pencahayaan.




ZT3-2 Cadangan Menaik Taraf Medan Belia Kajang

HIP

KOMPONEN CADANGAN

1. Menaik taraf ruang dan hiasan kedai berkonsepkan moden kontemporari, sesuai dengan cita rasa golongan belia.
2. Menyediakan ruang aktiviti belia (seperti pentas persembahan dan sudut perbincangan santai).
3. Menyediakan ruang makan secara terbuka (*alfresco*).
4. Menambah komponen landskap hiasan (laman belia) yang berdaya tahan banjir dan jalur tanam tebing sungai untuk menahan hakisan tanah.
5. Menaik taraf perabot dengan reka bentuk moden dan bahan tahan air serta tempat duduk fleksibel yang boleh dialih atau digabung.
6. Menyediakan pencahayaan seperti lampu LED, papan neon bergaya *urban* yang bersifat kalis air.
7. Menyediakan kemudahan digital (wi-fi, *charging station* dan soket USB).



ZT3-3 Cadangan Pengindahan Pintu Masuk (Arah Barat)

SK

KOMPONEN CADANGAN

1. Menanam pokok hiasan dan tumbuhan peneduh di kawasan bahu jalan dan tepi jalan bagi meningkatkan nilai estetika pintu masuk utama.
2. Memasang sistem pencahayaan landskap dan kemudahan elektrik bagi mewujudkan suasana yang terang, selamat dan menarik pada waktu malam.



ZT3-4 Cadangan Laluan Pejalan Kaki Dari Stesen MRT Ke IPD Kajang



KOMPONEN CADANGAN

1. Melaksanakan kerja-kerja pembersihan, perataan tanah, dan penyediaan tapak bagi memastikan kawasan pembinaan selamat dan sesuai.
2. Membina struktur laluan pejalan kaki bertingkat sepanjang 220m menggunakan bahan tahan lama seperti keluli dan konkrit mengikut spesifikasi reka bentuk.
3. Memasang sistem pencahayaan bagi mewujudkan suasana yang terang, selamat dan menarik pada waktu malam.
4. Menyediakan binaan tambahan seperti papan tanda maklumat dan arah, pagar keselamatan, ramp dan lintasan mengikut keperluan.

Pandangan perspektif pembangunan laluan pejalan kaki dari Stesen MRT ke IPD Kajang



ZT4

ZON REJUVENASI PERNIAGAAN

ZT4-1 Cadangan Menaik Taraf Pasar Kajang

HIP

SELEPAS

KOMPONEN CADANGAN

1. Menyusun semula susun atur lot kedai Pasar Kajang.
2. Membina struktur fasad moden dengan reka bentuk bercirikan bunga cempaka putih sebagai identiti utama Pasar Kajang.
3. Mengaplikasikan prinsip reka bentuk sejagat yang mesra pengguna, termasuk kemudahan akses OKU, laluan pejalan kaki yang jelas, dan tanda arah universal.
4. Meningkatkan pencahayaan yang terang bagi menyokong aktiviti malam.
5. Meningkatkan sistem bekalan elektrik, saliran, dan utiliti asas bagi menyokong operasi pasar dengan lebih efisien dan selamat.
6. Menyediakan tapak letak kenderaan yang mencukupi untuk kereta dan motosikal, dilengkapi pencahayaan dan kawalan keselamatan.
7. Menaiktaraf sistem saliran longkang di Pasar Kajang.



SEBELUM



Ilustrasi bangunan Pasar Kajang selepas di naiktaraf.




Pandangan pembangunan fasad bangunan Pasar Kajang

ZT4-2 Cadangan Kajang Food Truck

QW

KOMPONEN CADANGAN

1. Penyewaan petak letak kenderaan bagi food truck.
2. Kemudahan ruang makan seperti meja makan dan kerusi.
3. Sistem pencahayaan yang menyeluruh di kawasan tapak food truck.




Susun atur perletakkan food truck Kajang



SEBELUM

Contoh food truck yang boleh dicadangkan bagi cadangan Kajang Food Truck di Bandar Kajang



SELEPAS

Ilustrasi cadangan Food Truck di Jalan Jelok 3

6


CADANGAN
INISIATIF
PROJEK3
QW2
HIP1
SK

ZT4-3 Cadangan Laluan Pejalan Kaki Dari IPD Kajang Ke Hab Komuniti Kajang

HIP

KOMPONEN CADANGAN

1. Melaksanakan kerja-kerja pembersihan, perataan tanah, dan penyediaan tapak bagi memastikan kawasan pembinaan selamat dan sesuai.
2. Membina struktur laluan pejalan kaki bertingkat sepanjang 705.97m menggunakan bahan tahan lama seperti keluli dan konkrit mengikut spesifikasi reka bentuk.
3. Memasang sistem pencahayaan bagi mewujudkan suasana yang terang, selamat dan menarik pada waktu malam.
4. Menyediakan binaan tambahan seperti papan tanda maklumat dan arah, pagar keselamatan, *ramp*, dan lintasan mengikut keperluan.
5. Menanam pokok hiasan dan tumbuhan peneduh di kawasan bahu jalan dan tepi jalan bagi meningkatkan nilai estetika pintu masuk utama.



Ilustrasi cadangan Jejantas dari IPD Kajang ke Hospital Kajang dan MKH Avenue sepanjang 475m



Ilustrasi cadangan Jejantas dari MKH Avenue ke Pasar Kajang dan MKH Avenue sepanjang 38.46m



Ilustrasi cadangan Jejantas dari Pasar Kajang ke Hab Komuniti Kajang dan Lorong Belakang Jalan Tun Abdul Aziz sepanjang 192.51m



Ilustrasi cadangan Jejantas Ikonik Bandar Kajang yang menjadi penghubung bagi pengguna pejalan kaki dari Lorong Tun Abdul Aziz ke Pasar Kajang



Ilustrasi cadangan Jejantas Ikonik Bandar Kajang yang menjadi penghubung bagi pengguna pejalan kaki dari Hospital Kajang ke MKH Avenue

ZT4-4 Cadangan Penandaan Pintu Masuk (Arah Timur)


QW

KOMPONEN CADANGAN

1. Menanam pokok hiasan dan tumbuhan peneduh di kawasan bahu jalan dan tepi jalan bagi meningkatkan nilai estetika pintu masuk utama.
2. Memasang sistem pencahayaan landskap dan kemudahan elektrik bagi mewujudkan suasana yang terang, selamat dan menarik pada waktu malam.
3. Menyediakan binaan tambahan seperti papan tanda maklumat dan arah, pagar keselamatan mengikut keperluan.



Cadangan Penandaan
Pintu Masuk (Arah Timur)



SELEPAS

ZT4-5 Cadangan Pengindahan Lorong Tengah

QW

KOMPONEN CADANGAN

1. Mengecat dinding sepanjang lorong tepi Jalan Tun Abdul Aziz- Jalan Raja Haroun sepanjang 72meter.
2. Seni Mural bertemakan flora.
3. Memasang sistem pencahayaan dan elemen *smart cctv* bagi mewujudkan suasana yang terang, selamat dan menarik pada waktu malam.
4. Menurap jalan dengan menggunakan konkrit cetak (*concrete imprint*) sepanjang 72 meter.

ZT4-6 Cadangan Taman Selingan di Jalan Tun Abdul Aziz

SK

KOMPONEN CADANGAN


1. Menanam pokok teduhan dan pokok hiasan bersaiz sederhana serta besar bagi membentuk identiti landskap kawasan.
2. Menyediakan perabot taman seperti bangku, lampu hiasan dan elemen seni awam untuk identiti bandar.
3. Memasang sistem pencahayaan dan elemen *smart cctv* bagi mewujudkan suasana yang terang, selamat dan menarik pada waktu malam.
4. Menempatkan arca atau struktur seni yang mencerminkan identiti tempatan.
5. Membina turapan menggunakan bahan tahan lasak seperti *interlocking* atau *paver stone* di kawasan plaza dan laluan pejalan kaki.

1
Penanaman pokok-pokok teduhan untuk mengurangkan kesan 'Pulau Haba Bandar' dan mewujudkan persekitaran yang lebih sejuk dan nyaman.

2
Penyediaan perabot taman seperti bangku, lampu hiasan dan elemen seni awam untuk identiti bandar

3
Kawasan tempat letak kenderaan yang dikekalkan

4
Kawasan pejalan kaki yang diperbaharui



KOMPONEN CADANGAN

1. Memperbaharui pajakan tanah (pada masa kini telah tamat tempoh).
2. Menyediakan ruang niaga pelbagai termasuk keusahawanan gastronomi yang menampilkan kepelbagaian makanan tempatan dan tradisional bagi menghidupkan semula suasana medan makan.
3. Mewujudkan pusat aktiviti komuniti seperti gelanggang sukan dan ruang acara yang dapat digunakan bagi pelbagai program sosial, budaya dan rekreasi masyarakat setempat.
4. Menyediakan landskap dan pengekalan rizab sungai (selebar 5 meter).
5. Menyediakan ruang letak kenderaan yang mencukupi.
6. Meningkatkan pencahayaan di kawasan pembangunan.

Pelan Konsep & Komponen Utama Cadangan Hab Komuniti dan Seni Kajang

- | | | |
